



**PEJABAT PENGURUSAN PELAJAR
OFFICE OF STUDENT MANAGEMENT**

Rujukan : UPMKB.iFEST.100-11/1(80)

Tarikh : 10 Jun 2025

Kepada :

Presiden/Penaung/Ketua
Kelab/Persatuan Memanah

Tuan/Puan,

**JEMPUTAN KE PERTANDINGAN MEMANAH SEMPENA ANJURAN FESTIVAL
KESENIAN ISLAM 2025 (iFest 2025) EDISI KE-3 UNIVERSITI PUTRA
MALAYSIA KAMPUS BINTULU SARAWAK (UPMKB)**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan, Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu Sarawak (UPMKB) dan Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak (MTCP) sekali lagi akan menganjurkan Festival Kesenian Islam 2025 (iFest 2025) Edisi Ke-3. Salah satu pengisian festival ini adalah Pertandingan Memanah dengan menyasarkan 8 kategori untuk dipertandingkan dan akan diadakan mengikut ketetapan seperti berikut:

| | |
|-----------------|---|
| Tarikh | : 23 Ogos 2025 (Sabtu) |
| Masa | : 0800 – 1700 |
| Tempat | : Lapang Sasar Memanah / Pusat Islam, UPMKB |
| Kategori | : 1. Recurve 12 Tahun Ke Bawah (Lelaki / Perempuan) 2. Tradisional 12 Tahun Ke Bawah (Lelaki / Perempuan) 3. Recurve Terbuka (Lelaki / Wanita) 4. Dinamik Tradisional Terbuka (Lelaki / Wanita) |

3. Sehubungan itu, pihak kami amat berbesar hati menjemput semua ahli Kelab/Persatuan Memanah untuk menyertai Pertandingan Memanah dalam festival ini. Pihak kami juga memohon jasa baik dan kerjasama dari semua Kelab/Persatuan Memanah untuk membantu membuat hebatan dan promosi pertandingan ini. Maklumat lanjut berhubung perkara ini boleh diakses melalui laman web UPMKB; www.btu.upm.edu.my atau <https://conference.upm.edu.my/IFEST2025>. Bersama ini dilampirkan Syarat dan Peraturan Pertandingan Memanah untuk perhatian dan tindakan selanjutnya.

4. Pendaftaran penyertaan boleh dilakukan dengan mengisi borang secara atas talian (Google Form) atau di pautan berikut: <https://forms.gle/2wj3zKTteg7wd69W9>. Sebarang makluman atau pertanyaan lanjut berhubung perkara ini boleh hubungi penyelaras Pertandingan Memanah En. Mohammad Thaqif Tong (+6014 6988654) atau [wasap.my/60146988654](https://wa.me/60146988654).

Segala kerjasama dan perhatian tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan jutaan terima kasih.

Sekian.

**"MALAYSIA MADANI"
"BERILMU BERBAKTI"**

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHAMAD SYUKRI MOHAMAD ADNAN)

Ketua Pentadbir
Pejabat Pengurusan Pelajar
Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu Sarawak



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

**KAMPUS
BINTULU
SARAWAK**
BINTULU SARAWAK CAMPUS

PUTRA
PERTANIAN UNTUK RAKYAT®



**PEJABAT PENGURUSAN PELAJAR
OFFICE OF STUDENT MANAGEMENT**

Rujukan : UPMKB.iFEST.100-11/1(81)

Tarikh : 10 Jun 2025

Kepada pihak berkenaan:

Tuan/Puan,

MEMBAWA PERALATAN MEMANAH

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa penama-penama seperti yang dilampirkan adalah atlet dan ahli kelab / persatuan berdaftar sukan memanah:

KELAB / PERSATUAN : _____

Penama-penama tersebut membawa peralatan memanah atas tujuan Pertandingan Memanah bersempena Festival Kesenian Islam (iFest2025) (Edisi Ke-3), Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu Sarawak (UPMKB) pada 23 Ogos 2025 (Sabtu).

3. Memanah digazetkan sebagai satu bidang sukan di Malaysia dan tertakluk kepada **Akta Pembaungnian Sukan 1997 (Laws of Malaysia – Sports Development Act 1997)**. Busur dan anak panah diklasifikasikan sebagai peralatan sukan dan tidak memerlukan apa-apa permit atau lesen daripada pihak berkuasa; untuk memiliki atau menggunakan. Pertanyaan lanjut boleh berhubung dengan penyelaras pertandingan **En. Mohammad Thaqif Tong (+6014 6988654)**.

Diharap pihak tuan/puan dapat memberi pelepasan kepada mereka untuk membawa peralatan memanah bagi tujuan yang dinyatakan. Segala kerjasama serta perhatian pihak tuan/puan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"MALAYSIA MADANI"
"BERILMU BERBAKTI"**

Saya yang menjalankan amanah,

(MOHAMAD SYUKRI MOHAMAD ADNAN)

Ketua Pentadbir

Pejabat Pengurusan Pelajar

Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu Sarawak

PERTANDINGAN MEMANAH
FESTIVAL KESENIAN ISLAM (Ifest2025) (EDISI KE-3)
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA KAMPUS BINTULU SARAWAK

NAMA PESERTA PERTANDINGAN

| NO. | NAMA | NO. KAD PENGENALAN / PASSPORT |
|------------|-------------|--------------------------------------|
| 1 | | |
| 2 | | |
| 3 | | |
| 4 | | |
| 5 | | |
| 6 | | |
| 7 | | |
| 8 | | |
| 9 | | |
| 10 | | |
| 11 | | |
| 12 | | |
| 13 | | |
| 14 | | |
| 15 | | |



FESTIVAL KESENIAN ISLAM 2025
iFest 2025 (EDISI KE-3)
SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN MEMANAH

1. NAMA

Pertandingan ini dinamakan **Pertandingan Memanah UPMKB** sempena Festival Kesenian Islam 2025 iFest 2025 (Edisi Ke-3)

2. KATEGORI DAN YURAN PENYERTAAN

2.1 Pertandingan ini terbuka kepada semua warganegara dan bukan warganegara Malaysia dan dibahagikan kepada lapan (8) kategori perseorangan seperti berikut:

| Bil. | Kategori | Yuran (RM) |
|------|--------------------------------------|------------|
| 1 | Recurve 12TKB (Lelaki) | 15.00 |
| 2 | Recurve 12TKB (Perempuan) | |
| 3 | Tradisional 12TKB (Lelaki) | 15.00 |
| 4 | Tradisional 12TKB (Perempuan) | |
| 5 | Recurve Terbuka (Lelaki) | 20.00 |
| 6 | Recurve Terbuka (Wanita) | |
| 7 | Dinamik Tradisional Terbuka (Lelaki) | 50.00 |
| 8 | Dinamik Tradisional Terbuka (Wanita) | |

*Borang penyertaan boleh diperolehi secara atas talian

<https://forms.gle/Wq3uqy4jKpPexTDw5> atau borang manual untuk agensi / institusi yang mendaftar lebih dari 1 aktiviti iFest 2025

3 SISTEM PERTANDINGAN

Format pertandingan memanah ini adalah seperti keterangan berikut:

3.1 **Memanah (Recurve 12TKB, Terbuka dan Tradisional 12TKB):**

| Perkara / Kategori | Recurve 12TKB | Tradisional 12TKB | Recurve Terbuka |
|--------------------------|-----------------------------------|----------------------|--------------------|
| Tarikh | 23 Ogos 2025 (Sabtu) | | |
| Masa | 0800 – 1700 | | |
| Jarak | 30m | 15m | 50m |
| Jumlah Anak Panah | 6 arrow 6 end 2 round (72 arrows) | | |
| Masa | 180 saat | | |
| Saiz Target Face | FITA 80cm 10 ring | | |

3.2 Memanah Dinamik Terbuka (Tradisional)

| Format | Perkara |
|---------------------------|-------------------------------|
| Jenis Memanah | Dinamik |
| Tarikh | 23 Ogos 2025 (Sabtu) |
| Masa | 0800 - 1700 |
| Jarak | 12 hingga 20 meter |
| Jumlah <i>check point</i> | 12 - 20 |
| Jumlah anak panah | 3 anak panah setiap cek point |
| Target | Replika Haiwan 3D |
| Jenis Busur | Tradisional sahaja |
| Pusingan | 1 Pusingan sahaja |

4 UNDANG-UNDANG PERMAINAN

- 4.1 Bagi kategori Memanah Dinamik, setiap peserta akan dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan akan diarahkan bergerak ke titik semak (*check point*) masing-masing bagi memulakan pertandingan. Peserta kemudiannya akan bergerak ke arah titik semak (*check point*) yang seterusnya sehingga selesai kesemua titik semak (*check point*) yang telah ditetapkan.
- 4.2 Semua kejadian akan diputuskan oleh juri yang dilantik pada hari pertandingan.
- 4.3 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berasaskan kepada *World Archery (WA) Rules*.

5 SYARAT PERTANDINGAN

- 5.1 Semua format pertandingan ini melibatkan acara perseorangan
- 5.2 Sebarang halangan yang berada di belakang/hadapan/sekitar sasaran panah atau garisan memanah (*shooting line*) diminta untuk tidak diganggu atau diubah kedudukannya.
- 5.3 Mana-mana anak panah yang bersentuhan dengan garisan markah, markah yang tertinggi akan diambil kira.
- 5.4 Pemanah dikehendaki untuk memanah dari garisan memanah yang telah ditanda oleh pihak pengatur.
- 5.5 Pemanah tidak dibenarkan untuk pergi ke *target butt* atau replika haiwan sebelum memanah.

6 REFERI / PENGADIL / PEGAWAI TEKNIKAL PERTANDINGAN

- 6.1 Jawatankuasa pengelola akan melantik pengadil / referi kehormat bagi tiap-tiap permainan yang dipertandingkan.
- 6.2 Semua keputusan pengadil adalah **MUKTAMAD**. Sebarang bantahan daripada peserta tidak akan dilayan.

7 PAKAIAN / PERALATAN

- 7.1 Setiap peserta hendaklah memakai pakaian yang dibenarkan mengikut undang-undang permainan berkenaan.
- 7.2 Bagi kategori Memanah Dinamik (Tradisional), pakaian tradisional mengikut adat dan kaum masing-masing adalah dibenarkan.

8 PENDAFTARAN PESERTA

- 8.1 Peserta pertandingan hanya boleh menyertai **satu (1) kategori sahaja** berdasarkan kelayakan seperti dalam perkara 2.
- 8.2 Borang Pendaftaran Peserta adalah secara talian dengan menggunakan *google form* di pautan berikut: <https://forms.gle/Wg3uqy4jKpPexTDw5>
- 8.3 Sebarang pertukaran peserta hendaklah dibuat sebelum pertandingan bermula.

9 JADUAL DAN TEMPAT PERTANDINGAN

Jadual dan tempat pertandingan adalah seperti berikut:

| Tarikh | Kategori | Tempat |
|-------------------------|------------------------------|----------------------|
| 23 Ogos 2025 (Sabtu) | Recurve 12TKB | Lapang Sasar Memanah |
| | Tradisional 12TKB Terbuka | |
| | Dinamik Tradisional Terbuka | Pusat Islam |

10 HADIAH PERTANDINGAN

Hadiah pertandingan bagi setiap kategori yang dipertandingkan adalah seperti berikut:

JOHAN

Wang Tunai + Trofi + Sijil Penyertaan.

NAIB JOHAN

Wang Tunai + Trofi + Sijil Penyertaan.

KETIGA

Wang Tunai + Trofi + Sijil Penyertaan.

SAGUHATI (Tempat ke-4 hingga Ke-10)

Wang Tunai + Sijil Penyertaan

BUSANA TERBAIK (Lelaki & Wanita) (Bagi Kategori Memanah Dinamik SAHAJA)

- Hadiah Misteri

11 LAIN-LAIN KETERANGAN

- 11.1 Sebarang kemalangan dan/atau kecederaan ke atas peserta semasa pertandingan ini berlangsung adalah atas tanggungjawab peserta dan tidak boleh dituntut daripada pihak penganjur.
- 11.2 Semua syarat-syarat dan peraturan yang dikeluarkan oleh pihak penganjur adalah wajib dipatuhi oleh setiap peserta.
- 11.3 **Pendaftaran berserta Bayaran Yuran (slip transaksi dari bank)** yang telah lengkap hendaklah diisi dan dilampirkan dalam borang atas talian selewat-lewatnya pada atau sebelum **15 Ogos 2025 (JUMAAT)**.
- 11.4 **BORANG PEMBAYARAN** perlu dilengkappkan dan dihantar melalui pautan *google form* seperti pautan di atas
- 11.5 Sebarang makluman atau pertanyaan berhubung perkara ini boleh hubungi Penyelaras Pertandingan Memanah Dinamik:
En. Mohammad Thaqif Tong (+6014-6988654) / thaqif@upm.edu.my